

# FIRE DRILL EXERCISE



**T**eriakan Api! Api! Api! berserta tiupan wisel diikuti dengan deringan loceng yang memecah suasana hari biasa telah menyedarkan seluruh warga SPE untuk turun menyelamatkan diri dari api yang sedang marak ditambah lagi dengan laporan mengatakan bahawa salah seorang dari kakitangan SPE turut dikhuatiri lemas dalam kebakaran tersebut. Tidak beberapa lama kemudian kedengaran laungan siren jentera bomba yang datang menyebabkan keadaan menjadi lebih panik. Namun begitu semua itu hanyalah scenario dari latihan kebakaran yang di jalankan oleh pihak universiti di bangunan SPE. Latihan kebakaran tersebut dapat dijalankan dengan jayanya hasil kerjasama semua pihak.